Sedia khidmat luar pesisir lima syarikat cari gali

Weststar raih kontrak RM4.2b

KUALA LUMPUR 21 April - Weststar Aviation Servives Sdn. Bhd., penyedia khidmat operasi luar pesisir hari ini memeterai perjanjian lojistik dengan lima syarikat cari gali minyak untuk tempoh 10 tahun dengan kontrak bernilai RM4.2 bilion.

Lima syarikat itu ialah Petronas Carigali Sdn. Bhd., ExxonMobil Exploration, Newfield (M) Inc., Petrofac (Malaysia-PM304) Limited dan Talisman (M) Limited.

Perjanjian itu melibatkan kerja-kerja pengangkutan kakitangan syarikat cari gali itu ke pelantar selain kerja-kerja penghantaran peralatan.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, kontrak yang diperoleh itu merupakan yang terbesar pernah diperoleh dalam sejarah penubuhan Weststar Aviation sejak tahun 2003.

"Kontrak ini akan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju perkhidmatan penerbangan di rantau ASEAN dengan jumlah keseluruhan helikopter sebanyak 18 buah," katanya di sini, hari ini.

SYED Azman Syed Ibrahim (kiri) dan Naib Presiden Pengeluaran Malaysia, Petronas Carigali Sdn. Bhd., Johari Dasri di majlis menandatangani perjanjian Weststar dengan lima buah syarikat cari gali di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian antara Weststar dan lima buah syarikat cari gali itu.

Menurut Syed Azman, kerja-kerja pengangkutan itu akan dikendalikan oleh helikopter generasi terbaru keluaran Agusta Westland iaitu AW139 yang berpengkalan di Kerteh, Terengganu dan Kota Bharu.

Malah, Weststar telah pun menyediakan perkhidmatan kepada Carigali Hess yang berpangkalan di Kota Bharu menerusi perjanjian lain.

Beliau memberitahu, untuk tempoh 10 tahun kontrak itu, sebanyak sembilan buah helikopter akan digunakan berbanding 15 yang ditawarkan menerusi tender terbuka itu.

Katanya, baki lima helikopter itu diserahkan kepada MHS Aviation Bhd.

"Kami memperuntukkan RM1.5 bilion bagi tujuan tender tersebut namun hanya sembilan yang mendapat tawaran kerja dan bakinya akan digunakan untuk tujuan lain," katanya.

Syed Azman berkata, pihaknya juga telah dipelawa untuk menyertai kerja-kerja pesisir pantai menerusi dua tender syarikat minyak antarabangsa iaitu PTT Thailand dan Myanmar.

Katanya, ia merupakan kerja-kerja pesisir pantai luar negara pertama yang diceburi oleh Weststar Aviation.